

NO SOALAN :204

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) cara mana Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menjejaki perniagaan Multi Level Marketing (MLM) dan pendapatan mereka memandangkan wujud jutawan segera rangkaian MLM; dan
- (b) apakah wujud tindakan pendakwaan terhadap mereka yang ingkar dan jumlah kehilangan hasil daripada cukai pihak terlibat .

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, *Multi Level Marketing* (MLM) merupakan salah satu jenis pelan pemasaran di bawah

perniagaan jualan langsung yang dikawal selia oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di bawah Akta Jualan Langsung 1993. Hanya syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 boleh memohon untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perniagaan jualan langsung.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) komited untuk menjejaki semua pembayar cukai syarikat dan pembayar cukai individu termasuklah syarikat Multi Level Marketing (MLM) dan ejen/pengagih mereka dengan menjalankan Program Pengumpulan Maklumat. Program ini dijalankan seperti berikut:

- a. pengumpulan maklumat tambahan seperti maklumat pelbagai punca pendapatan, maklumat pembelian dan pemilikan aset, maklumat keahlian persatuan / kelab dan sebagainya;
- b. menyalurkan maklumat tambahan kepada jabatan yang terlibat bagi menyokong tindakan aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan yang dijalankan oleh LHDNM;
- c. menyediakan maklumat bagi tujuan pembesaran asas cukai iaitu pendaftaran fail cukai pendapatan baru untuk syarikat MLM yang belum berdaftar dengan LHDNM.

Pengumpulan maklumat di atas adalah selaras dengan Seksyen 81, Akta Cukai Pendapatan 1967 yang memperuntukkan kuasa kepada LHDNM untuk meminta maklumat. Agensi Kerajaan/Syarikat swasta/individu dan orang perseorangan yang dikehendaki untuk membekal maklumat melalui surat/notis di bawah Seksyen 81 Akta Cukai pendapatan 1967, perlu untuk mengemukakan maklumat dalam format *softcopy* kepada Cawangan LHDNM yang berkenaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis/surat.

b) Sehingga kini, tiada pembayar cukai yang menjalankan aktiviti perniagaan jualan langsung MLM dikenakan tindakan pendakwaan di mahkamah.